



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 24 BILANGAN 6

RABU 7HB. FEBRUARI 1979.

رابع الاول 9 ربيع 1399

PERCHUMA

MENTERI LUAR M'SIA MENGADAP D.Y.M.M. UTK SEMBAHKAN PERUTUSAN RASMI



Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sedang menerima utusan ucap tahniah dari DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia yang di-sembahkan oleh Menteri Luar Malaysia, Y.B. Tengku Ahmad Rithaudeen.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kerajaan Malaysia telah menghantar Menteri Hal-Ehwal Luar-nya, Yang Berhormat Tengku Ahmad Rithaudeen untuk mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi menyebarkan perutusan khas ucap tahniah sa-chara rasmi dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia atas sempurnanya istiadat menanda-tangani perjanjian persahabatan dan kerjasama Brunei dan Great Britain baru2 ini.

Rombongan Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Luar Malaysia itu tiba di Brunei dengan kapal terbang khas Kerajaan Malaysia pada pagi Sabtu lepas dan berangkat pulang di-sebelah petang pada hari yang sama.

Ketibaan rombongan itu di-Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas telah di-alu2kan antara lain oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson dan Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh.

Tengku Ahmad Rithaudeen di-sertai oleh sa-orang pegawai dari Istana Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong, Datuk Ibrahim bin Mahmud dan sa-orang Pegawai Kementerian Luar Malaysia, Awg Abdul Halim Ali.

Sa-jurus sa-telah tiba di-Lapangan Terbang Antarabangsa, rombongan Menteri Hal Ehwal Luar Malaysia itu berangkat ka-Istana Darul Hana untuk mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan titah perkenan Baginda.

Di-istiadat mengadap itu, Yang Berhormat Tengku Ahmad Rithaudeen telah menyebarkan ucap tahniah dari Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong Malaysia sa-chara rasmi.

Hadhir sama di-istiadat itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolikiah; Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei; Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan, Pe-

Lihat muka 16

Kenaikan pangkat Pegawai2 K'jaan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan kenaikan pangkat 14 orang pegawai pentadbir dalam perkhidmatan Kerajaan Baginda. Lima orang dari mereka di-naikkan pangkat menjadi Pegawai Pentadbir Dalam Bahagian I dalam sukatan gaji Kumpulan 4.

Mereka ia-lah Awang Ahmad bin P.O.K. Digadong Seri Diraja Dato Haji Mohd Yusof, Awang Ahmad bin Dato Matnor, Awang Julaihi bin Haji Abd Kadir, Pg Idris bin Pg Temangong Sahibol Bahar Pg Haji Mohammad dan Awang Mohd Hassan bin Haji Mohd Yusof.

Kenaikan pangkat bagi kelima2 pegawai itu bermula dari 1hb Julai 1978.

Sembilan orang yang lain-nya di-naikkan pangkat menjadi Pegawai Pentadbir Tingkatan Khas. Mereka ia-lah Awang Mohd Ali bin Bakar, Awang Abdul Hamid bin Ismail, Awang Abu Bakar bin Haji Sapar, Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim, Pg Omar bin Pg Sabtu, Pg Ali Hassan bin Pg Dato Seri Laila Jasa Haji Abas, Awang Othman bin Damit, Awang Mohd

Kassim bin Haji Johan dan Awang Tajib bin Adis.

Kenaikan pangkat bagi mereka ini juga bermula dari 1hb Julai, 1978.

Dua orang Jurutera Jabatan Kerja Raya, Awang Alfredo M. Monano dan Awang Licario C. Valendia telah di-naikkan pangkat menjadi Jurutera Kerja Kanan mulai 1hb Januari, 1978.

Awang Mustafa bin Haji Ahmad, Penolong Pendaras dan Awang Abd Majid bin Pehin D.P.D. Haji Abd Rahim, Guru, masing2 telah di-naikkan pangkat menjadi Pegawai Pelajaran. Lantekan Awg Mustafa bermula pada 31hb Julai, 1978 manakala lantekan Awang Abdul Majid bermula pada 25hb September, 1978.

Dua orang Guru Sekolah Arab, Awang Kassim bin Lantekan dan Awang Haji Besar bin Abu Bakar dan Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Awang Abd Rajid bin Haji Kadir masing2 di-naikkan pangkat menjadi Pegawai Ugama. Kenaikan pangkat bagi Awang Kassim dan Awang Abd Rajid bermula 1hb Oktober, 1978 sementara lantekan Awang Haji Besar bermula pada 14hb Disember, 1978.

Dua orang pegawai dari Muzium Brunei juga telah di-naikkan pangkat. Mereka ia-lah Awang Lai Huat, Pegawai Muzium di-naikkan pangkat menjadi Penyelia Arkib/Perpustakaan mulai 1hb Januari, 1978 dan Ak Omar Ali bin Pg Anak Hashim, Pegawai Perpustakaan di-naikkan pangkat menjadi Pegawai Muzium mulai 1hb Januari, 1979.

Lima orang Pembantu Teknik, Jabatan Kerja Raya juga telah di-naikkan pangkat menjadi Ketua Pembantu Teknik mulai 1hb Januari, 1979 yang

Mereka ia-lah Awang Frederick William Anthony Weatley @ Ariffin bin Abdullah, Awang Mohd Yaakub bin Haji Abd Razak, Awang G. Anthonipillai, Awang Othman bin Kalong dan Awang K.A. Alexander.

Lain2 kenaikan pangkat yang di-perkenankan ia-lah Awang Yahya bin Mohd Yusof menjadi Timbalan Pengawal Penchen Negara mulai 1hb Januari, 1979. Awang Haji Omar bin Haji Mohamed menjadi Juru Ukur Bahan Kanan mulai 1hb Januari, 1979; Awang Abdi Manaf bin Haji Abu Bakar menjadi Penyelia Rancangan Makanan Sekolah2 mulai 1hb Januari, 1979 dan Awang Bakti bin Yuntan menjadi Pegawai Pertanian mulai 1hb September. Semua jawatan2 yang disandang oleh mereka itu adalah dalam Bahagian II.

Empat orang pegawai di-naikkan pangkat ka-Bahagian III. Mereka ia-lah Awang Zainuddin bin Haji Mohd Noor menjadi Pembantu Teknik Kanan (Bahagian Yunit Potogrametik Ukur) Awang Zainal Abidin bin Tinggal menjadi Penyunting Kanan RTB; dan Awang Asbi bin Khatib Abdullah @ Hasbi menjadi Ketua Pembantu Teknik. Lantekan2 mereka ini bermula 1hb Disember, 1978. Pg Mohd Ali bin Pg Temangong Haji Mohammad di-naikkan pangkat menjadi Teknik Kanan mulai 1hb September, 1978.

Sa-ramai 31 orang Kerani Tingkatan II juga telah di-naikkan pangkat menjadi Kerani Tingkatan III mulai 1hb Oktober, 1978 dan mereka sekarang di-tempatkan di-beberapa buah Jabatan di-seluruh negeri.

50 orang penuntut lulus dari Pusat2 Pengajian Tinggi

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 50 orang penuntut Brunei yang menuntut di-seberang laut dari berbagai pusat pengajian tinggi dan teknik United Kingdom telah berjaya menamatkan pengajian mereka dengan memperoleh kelulusan ijazah, diploma dan sijil tahun lalu.

Mereka ada-lah penuntut2 yang mendapat dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dari jumlah tersebut sa-ramai 32 orang telah mendapat ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sains, dua orang mendapat Sarjana, sembilan orang mendapat HND dan diploma dan tujuh mendapat kelulusan sijil.

Antara mereka yang mendapat kelulusan Sarjana tahun lalu ia-lah Abdul Majid bin PDPD Haji Abdul Rahim dan Baharuddin bin Dato Haji Talib (telah lulus B.Sc.).

Mereka yang lulus dalam Sarjana Muda Sastera ia-lah Sapiah bte Haji Sabtu, Salbiah

bte Sulaiman, Asmah bte Haji Abdul Rahman, Mat Zahri bin Haji Yusof, Abdul Ghafar bin Ismail, Haji Adnan bin PSK Haji Md Yusof, Aming bte Wasli.

Abdul Rahman bin Haji Mohiddin, Othman bin Abdul Ghafar, Saifon bin Awang Besar, Hairuni bte Mohd Ali Maricar, Awangku Suhaimi bin Pg Dato Haji Abdul Rahman, Mahali bin Momin dan Mohd Asmie bin Abdullah.

Mendapat kelulusan Sarjana Muda Sains ia-lah Mohiddin

Lihat muka 16

360 lulus Sijil Darjah VI Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 360 dari 580 orang penuntut di-seluruh negeri telah lulus Peperiksaan Sijil Darjah VI Sekolah2 Rendah Ugama bagi tahun 1978. Peratus kelulusan bersamaan dengan 62 peratus. Sa-banyak 27 buah Sekolah Ugama telah mengikut peperiksaan yang telah

di-adakan dalam bulan Disember itu.

Dari jumlah yang lulus itu, sa-ramai 234 orang telah mendapat Pangkat I; 82 orang mendapat Pangkat II; 22 orang mendapat Pangkat III dan 22 orang lagi telah di-anggap lulus.

Sekolah Ugama Pengiran

Anak Puteri Masna (Petang) telah mendapat peratus kelulusan yang paling tinggi ia-itu sa-banyak 90 peratus. Dari 29 penuntut yang menduduki peperiksaan itu, sa-ramai 26 orang telah lulus.

(Nama2 penuntut yang lulus dalam peperiksaan itu akan di-siarkan minggu depan.)



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RAGAM
KEHIDUPAN
NEGARA
BRUNEI

7HB FEBRUARI, 1979

MEMELIHARA KETAQWAAN UNTUK MENEKMATI GANJARAN ALLAH

BERBAKTI KEPADA NEGARA KERANA ALLAH yang merupakan tema sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. tahun ini ada-lah benar2 mengajak umat Islam di-negeri ini untuk sentiasa melakukan sesuatu yang berkebaikan dalam mencapai nikmat keduniaan ini dengan tidak melebehi batas2 yang telah di-tentukan di-samping berusaha untuk mencapai nikmat dan kebahagiaan hidup di-akhirat atas keredhaan Allah s.w.t. sa-panjang kita menaborkan bakti kepada negara.

Dalam menghayati tujuan tema tersebut kita umat Islam perlu sekali menjauhkan diri dari mengharapkan apa jua bentuk keredhaan dari manusia yang mana akhir-nya keredhaan sa-umpama ini hanya akan mengumpulkan diri kita ka-dalam golongan manusia yang ria, dan manusia ria itu ada-lah termasuk jumlah manusia 'shirik' yang sentiasa menempoh kerugian.

Hendak-nya dalam apa juga bentuk bakti kita kepada negara memang-lah wajar sekali bakti itu kita taborkan dengan perasaan jujur, amanah, tidak membesar diri dan tidak mendabekkan dada, yang salah2 kita akan mengatakan, bahawa kita-lah orang-nya yang telah banyak menaborkan bakti, lantas kerana itu negara perlu mengenang jasa dan memberikan sanjungan.

Maka, kalau seperti itu-lah tujuan dan chita2 kita untuk berbakti kepada negara, jelas-lah betapa rugi-nya dan sia2 belaka segala jereh payah dan keringat yang kita berikan itu di-samping usia dan masa kita terbuang begitu saja tanpa apa2 jua yang akan dapat kita nikmati apabila sampai waktu-nya di-hari pembalasan kelak.

Berbakti kepada negara memang banyak chara dan bentuk-nya. Semua-nya itu hanya-lah terserah ka-atas kemampuan dan keupayaan sa-seorang itu untuk melaksanakan-nya. Dan dalam berbakti itu sa-tiap orang pada lahir-nya berkehendakkan suatu pembalasan. Memang seperti juga kita menjalankan tugas bagi sa-suatu jawatan di-pejabat2 kerajaan atau ka-pada satu2 majikan di-sektor swasta, segala jereh payah dan titek peloh yang kita tumpahkan ka-bumi perlu mendapat suatu ganjaran — yang tidak lain dari gaji yang berupa wang, atau sanjungan yang membawa kepada kenaikan pangkat dan sa-bagai-nya.

Biar pun sa-bahagian dari bakti kita itu bererti bahawa kita sudah memenohi tanggung-jawab ka-atas diri, keluarga dan masharakat kita, namun pada sa-bahagian lain, bahawa kita leka untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t. yang perlu kita nikmati apabila sampai ajal kita di-akhirat kelak. Sifat seperti ini memang tidak keseluruhan umat Islam berbuat demikian. Namun pada mereka yang sudah rabun akan keindahan dunia yang serba mewah dan megah ini semua-nya boleh berlaku. Sa-hingga akan timbul-lah berbagai julukan yang menghina di-mata dunia umpama akan di-panggil sa-bagai 'pengampu', 'main kayu tiga' dan sa-bagai-nya.

Mudah2an bakti kita kepada negara yang merupakan suatu tanggung-jawab dalam 'Fardhu Kifayah' itu hendak-nya akan menghindar kita dari sifat2 merugikan. Dan kesekian umat Islam ketika ini untuk menyambut hari yang agong itu biar-lah akan memberi lorong yang sentiasa terbuka pada memperkokoh kekuatan iman dan keyakinan dalam diri kita terhadap ganjaran Allah s.w.t. di-alam baqa. Tiada yang lebehi baik untuk kita membekal diri dalam menekmati ganjaran Allah itu melainkan dengan pemeliharaan ketaqwaan.



GAMBAR atas, empat orang wadar yang kini berkursus di-Singapura dan gambar bawah pula ia-lah ahli Bomba yang berlepas pada hari yang sama.



Wadar dan ahli Bomba berkursus di-S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang wadar dari Jabatan Penjara telah bertolak ka-Singapura pada hari Sabtu lalu untuk mengikuti kursus wadar sa-lama tiga bulan di-republik tersebut.

Mereka ia-lah Awang Roslan bin Abdullah, Ak Sulaiman bin Pg Abd Rahman, Awang Bakar bin Dulamit dan Awang Osman bin Idris.

Sa-masa berada di-sana, mereka akan menjalani kursus mengenai Undang2 Penjara, latihan pemeliharaan dan disiplin bagi banduan2 dan budak2 nakal serta akan mempelajari tanggung-jawab dan tugas sa-bagai wadar.

Mereka juga akan menerima latihan dalam chara2 menggunakan senjata, berbaris dan kawad serta latihan chara2 mempertahankan diri. Di-akhir kursus tersebut mereka akan membuat lawatan sambil belajar ka-penjara2 dan tempat2 tahanan bagi budak2 nakal yang di-bawah jagaan Jabatan Penjara Republik Singapura.

Berlepas pada hari yang sama ia-lah tiga orang anggota bomba dari Perkhidmatan Bomba. Mereka akan mengikuti kursus sa-lama tiga bulan di-Singapura.

Mereka ia-lah Penolong Pegawai Balai, Awang Zakaria bin Haji Metussin, Nordiah bin Metussin dan Tamin bin Yusof.

Pegawai2 bomba itu akan menjalani latihan chara2 menggunakan alat2 pernafasan, keselamatan dan lain2 aspek menchegeh kebakaran.

Mereka akan di-tempatkan di-berbagai Balai Bomba di-republik itu.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebehi sederhana di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula pada 1hb Februari, 1979.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. LADA KERING — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Ming Thai Company,
No. 32, Jalan Sultan.
2. SAYOR KINCHAM — \$2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Hen Loong,
No. 31, Jalan Sultan.
3. KACHANG HIJAU — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Hock Huat,
No. 62, Jalan McArthur.

KUALA BELAIT

1. LADA KERING — \$3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Ng Ming Hong,
No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. SAYOR KINCHAM — \$2.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty.
3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- a) Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty.
- b) Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty.
- c) Chop Ng Ming Hong,
No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China.

SERIA

1. LADA KERING — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Yuan Ho Hing,
No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
2. SAYOR KINCHAM — \$2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
a) Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Chop Koh Seng Hang,
No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
c) Siong Huat,
No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.
d) Yuan Ho Hing,
No. 49-B Jalan Bunga Kuning.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 8hb hingga 14hb Feb. 1979

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	8.2.1979	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama, Muara	8.2.1979	Khamis	4.30- 5.30 "
Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong	*10.2.1979	Sabtu	2.00- 3.00 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	*10.2.1979	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	*10.2.1979	Sabtu	4.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Sungai Hanching	12.2.1979	Isnin	3.00- 4.00 "
Berhadapan Kedai, Pekan Muara	12.2.1979	Isnin	4.30- 5.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	13.2.1979	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	13.2.1979	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	14.2.1979	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	14.2.1979	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	14.2.1979	Rabu	11.00-12.00 T/Hari

PERINGATAN : *10hb Februari — Chuti Maulud Nabi Muhammad s.a.w.

Inspektor berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dua orang Inspektor Polis, Awang Annual bin Haji Abdullah dan Awang Hasnan bin Harith telah berlepas ka-Hong Kong pada hari Ahad lalu untuk menghadiri kursus tugas2 khas polis di-tanaja jajaan itu.

Mereka akan di-tempatkan di-Yunit Polis Teknikal, Pasukan Polis Diraja di-Fanlin Kowloon sa-lama tiga minggu. Sementara itu, lima orang Inspektor perhubungan pasokan Polis Diraja Brunei juga berlepas ka-Singapura pada hari yang sama untuk mengikuti satu kursus sa-lama empat minggu di-Akademi Polis Republik itu.

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanah Bolkiah Muizzaddin Wad-aulah is expected to officially start off a huge procession to mark the birthday of Prophet Muhammad this Saturday, February 10.

The teams are made up of students, youth movements, villagers and government servants.

o'clock will proceed to Jalan Stoney, Jalan Sekolah, Jalan Kianggeh, Jalan McArthur and then back to the padang.

A procession will also be held that day in Kuala Belait where some four thousand people in fifty-seven teams will take part.

The procession which will start from the Kuala Belait Recreation Club pandang will pass through

BANDAR SERI BEGAWAN.— Work on the construction of a new mosque in Kampong Kasat in the Brunei Muara District is to start soon following the award of the tender last week.

The new mosque will cost nearly \$176,000.00 and will be ready in five and a half months time.

When completed it will replace the existing mosque in the kampong and will be able to accommodate between two hundred and three hundred people.

Meanwhile construction works on two other mosques at Kampong Junjongan and Kampong Menunggol also in the Brunei Muara District are progressing satisfactorily.

Each mosque costs about eighty thousand dollars and can accommodate between one hundred and fifty and two hundred people.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Work on the construction of the first mosque in Kampong Ayer will commence soon.

The Government had called for tenders for its construction with the work scheduled to be supervised by the Public Works Department.

The mosque will be located in Kampong Burong Pinggai Ayer and when completed, will be able to cater to the needs of the residents of the kampong who find it difficult to go to the Sultan Omar Ali Saifuddin Mosque.

The new mosque will be able to accommodate about two hundred people thus relieving the Sultan Omar Ali Saifuddin Mosque which is usually overcrowded particularly during the Friday and Hari Raya prayers.

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Agriculture Department has notified importers of chicks in the State that all permits issued to them had been revoked with effect from January 14.

The department said import permits for chicks intended for table meat would be issued from time to time when local chicks were not available.

Further details concerning this can be obtained from the Veterinary Clinic here during office hours.

Permits for the import of chicks intended for egg laying would be issued only with recommendation from the Senior Veterinary Assistant in the district concerned that the chicks to be imported were required to replace existing stocks or to be sold to poultry farmers.

The importers are reminded that all chicks brought into the country without permits or with

Jalan Nakhoda Ragam
and Jalan Binjai before
returning to the padang.

It is scheduled to be led by the General Adviser to the Sultan, the Yang Teramat Berhormat, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa.

Similar processions will be held in the Tutong and Temburong districts on February 18.

About three thousand people will participate in the procession which will begin from the Puteri Nor'ain Religious School padang while in the Tembungurong District some two thousand people will start the march from the Sultan Hassan Malay School padang at Bangar.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Work on the construction of the multi-million dollar Sungai Kebun Secondary School is now underway.

The school which when completed will be able to accommodate one thousand five hundred English medium students will be built in three phases.

BANDAR SERI BEGAWAN. — One hundred and four personnel of the Royal Brunei Malay Regiment will leave for Hongkong next month to take part in a two-week long military exercise.

The soldiers all from 'G' Company of the Regiment's Tutong-based Second Battalion are expected to leave the State on March 13.

The exercise, code-named TUKAR ANGIN, will include adventure training, mountain climbing and canoeing.

KILANAS. — Work on the second phase of the Agriculture Research Centre Complex here is to commence soon.

The work will include the construction of an office, laboratories for soil and chemical research, and a building for storing seeds and farming chemicals.

The First Phase of the complex was completed recently at a cost of one million dollars and has since been occupied.

Situated on a site at the Kilanas Agriculture Station, the First Phase consisted of four buildings.

Awang Anai bin Anom (centre), whose house at Kampong Bukit Udal in the interior of the Tutong District was destroyed by fire about three months ago, is seen in the picture above receiving a donation of seven hundred and twenty-two dollars from the Assistant District Officer, Pengiran Maidin bin Pengiran Hashim.

The money came from government staff, rural leaders and schools in the Tutong District.

Looking on is the Tutong District Land Officer, Awang Hafni bin Abang Haji Abu Hanafiah.

An administration block, a domestic science block, a commercial studies block, a surau or a mini-mosque, a library, a dark-room and a canteen will also be constructed during the First Phase which will cost sixteen million dollars or almost half of the sum allocated for the entire project.

Work on Phase Two now awaiting Government approval is expected to commence at the end of the year at a cost of eleven million dollars.

This will consist of sports amenities which will include a football field and an athletic track, a gymnasium and an auditorium.

It will be followed by work on Phase Three which will comprise housing for staff.

SERIA. — The State Mus-| Haji Ishak bin Adam.

lim Council last week donated a sum of one thousand and one hundred dollars to two fire victims here, Pengiran Mohammed bin Pengiran Haji Zainal and Awang Nuai bin Awg Jaafar.

A couple of days earlier the two men received donations totalling three hundred dollars from theunei National Welfare Organisation.

Of the amount, two

Pengiran Mohammed received eight hundred dollars and Awang Nuai got three hundred dollars. The money was ha-

The money was presented to the two men by the Belait District Kathi, Dato

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Government has approved a multi-million dollars project aimed at improving the environment of the capital.

Tenders for the first contract will be called for this month.

The first phase is expected eighteen months to complete and will consist of among other things the canalisation of the river parallel to Jalan Kianggeh, reclamation of the adjacent bank, widening of the present Jalan Kianggeh and the construction of two pedestrian bridges across the river.

The second phase of the project will include the straightening of the upper reaches of Sungai Kianggeh and the resettlement of squatters.

This part of the work is expected to take about a year to complete.

SEKITAR KUNJONGAN SINGKAT MENTERI LUAR MALAYSIA



MENTERI Hal Ehwal Luar Malaysia, Y.B. Tengku Ahmad Rithaudeen telah mengadakan kunjungan singkat ke sini pada hari Sabtu lalu. Y.B. Tengku Ahmad Rithaudeen yang di-iringi oleh tiga orang pegawai itu telah tiba di lapangan terbang antarabangsa Brunei kira2 jam 12.00 tengah hari.

Ketibaan Menteri Luar Malaysia dan rombongan di lapangan terbang telah di-sambut oleh TYT Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, Awang Arthur Watson, YAM Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh (seperti kelihatan gambar sebelah kiri.)

Sa-jurus ketibaan-nya, Menteri Luar dan rombongan itu telah menghadap Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk menyampaikan perutusan tahniah dari DYMM Seri Paduka Yang Dipertuan Agong Malaysia atas tercapai-nya Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama antara Brunei dan Great Britain.

Y.B. Tengku Ahmad Rithaudeen juga telah menyampaikan perutusan ucap tahniah dari Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Hussein Onn kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei. Perutusan tersebut telah di-terima oleh Setia Usaha Kerajaan Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bagi pihak Y.A.B. Menteri Besar yang ketika ini sedang berchuti.

Tengku Ahmad Rithaudeen dan rombongan juga sempat mengadakan lawatan ka-Masjid Omar Ali Saifuddin dan Muzium Brunei di-Kota Batu.

Rombongan Menteri Luar Malaysia itu bertolak meninggalkan Brunei kira2 jam 5.00 petang hari itu juga.



Y.B. Tengku Ahmad Rithaudeen menjunjung ziarah kepada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika beliau menghadap Baginda untuk menyampaikan utusan tahniah dari DYMM Yang Dipertuan Agong Malaysia.



GAMBAR atas kelihatan Y.B. Tengku Ahmad Rithaudeen sedang menanda-tangani Buku Pelawat di-Pejabat Menteri Besar dengan di-perhatikan oleh Pegawai Pentadbir Kanan di-Pejabat SUK, Awang Haji Mohd Yunus. (Gambar tengah) Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, bagi pihak Y.A.B. Menteri Besar, sedang menerima utusan tahniah dari Perdana Menteri Malaysia, Datuk Hussein Onn yang di-sampaikan oleh Y.B. Tengku Ahmad Rithaudeen di-Pejabat Menteri Besar sementara gambar paling kanan kelihatan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dan Menteri Luar Malaysia kelihatan berbual2 di-Pejabat Y.A.B. Menteri Besar.



Y.B. Tengku Ahmad Rithaudeen kelihatan sedang berbual2 dengan Kadi Daerah Brunei-Muara, Awang Metussin bin Timbang yang menerangkan kedudukan sejarah pembinaan Masjid Omar Ali Saifuddin ketika beliau mengadakan lawatan singkat ka-masjid itu (gambar atas) sementara gambar kanan kelihatan beliau sedang merenong dan mengamati-amati sachara dekat akan tongkat khas yang di-gunakan oleh Imam atau Khatib ketika menyampaikan khutbah. Tongkat ini diperbuat dari tembaga berchulup emas dan mengandungi ayat2 Al-Kor'an.

Gambar kiri: Y.B. Tengku Ahmad Rithaudeen dan rombongan ketika melawat ka-Muzium dengan di-beri penerangan oleh Penarah Muzium, Pengiran Dato Sharifuddin bin Pengiran Metali.



MEMANG-LAH sudah menjadi resam dunia, yang baik itu akan di-balas dengan yang baik juga. Kata orang 'orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa'. Dengan sebab kita merasa sa-suatu kebaikan itu-lah kita akan membalas-nya juga dengan kebaikan.

Tidak-lah juga hairan, kalau ada yang maseh mengamalkan sikap yang jahat akan di-balas juga dengan kejahatan. Ini ada-lah barangkali di-sebabkan pada anggapan mereka itu, ini-lah ganjaran yang paling sesuai dengan apa yang di-lakukan itu. Sa-benar-nya, langkah ini kurang tepat dan kurang sesuai, sebab kalau yang jahat itu di-balas juga dengan kejahatan, tentu-lah tidak akan menimbulkan apa2 perubahan kepada kebaikan. Malahan suasana akan bertambah genting lagi. Betapa tidak-nya, kalau-lah asheh saling balas membalas dengan yang tidak baik, tentu-nya pula akan mem-buahkan sa-suatu yang tidak baik.

Sa-patut-nya apa2 jua yang jahat dan kurang baik, yang di-timpakan dan di-kenakan kepada diri kita itu jangan-lah di-balas dengan kejahatan juga, sa-

balek-nya akan di-balas pula dengan kebaikan. Dengan sebab jahat di-balas dengan baik itu, tentu-lah sedikit sa-banyak akan menarek minat dan sa-chara perlahan-lahan akan dapat mengubah sikap sa-seorang yang pada mula-nya 'berhati batu dan 'gagah'. Tentu-nya, lama kelamaan ia akan terfikir, kenapa dan mengapa ia-nya di-layan dengan baik sedangkan ia-nya sendiri bersikap kurang sopan dan kurang baik. Kalau-lah hal2 sa-rupa ini berlarutan, tentu-lah hari demi hari ia akan dapat memperbaiki diri-nya sendiri, sebab tentu-nya ia tidak akan tergagak lagi melakukan sa-suatu yang tidak baik sedangkan orang lain berbuat kebaikan terhadap diri-nya.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang di-riwayat-kan oleh Bukhari yang maksud-nya kira2: "Takut-lah engkau kepada Allah di-

Kebaikan menambah suasana mesra

mana saja engkau berada dan ikuti-lah kejahatan itu dengan kebaikan mengiringi-nya dan berkelakuan baik-lah kepada manusia."

Berpandukan Hadith ini, jelas-lah sudah tentang surohan membalas kejahatan itu dengan kebaikan. Dan di-tambah lagi dengan surohan berkelakuan baik sa-sama manusia. Dengan tingkah laku itu tentu-nya akan dapat mengajar dan menidek masyarakat sekeliling. Ia-itu dengan mencontohi apa2 jua kelakuan baik yang kita lakukan itu. Atau pun dengan lain perkataan, jadikan-lah diri kita itu sa-bagai contoh yang baik bakal di-ikuti oleh

masyarakat yang melihat-nya nanti.

Ini berpatutan pula dengan pepatah yang berbunyi: 'Buat baik berpada-pada, buat jahat jangan se-kali2'. Memang-nya benar, kalau berbuat kebaikan itu biar-lah mengikut saloran2 yang sehat yang mana tidak mengharap-kan sa-suatu. Dan juga biar-lah amal bakti kita itu, berpada-pada, jangan sampai membebaskan diri sendiri. Atau pun, bahawa diri kita itu telah mampu untuk berdiri sa-telah itu baru-lah membuat amal kebaktian. Begitu juga hal-nya dengan berbuat kejahatan hendak-lah kita sa-bo-

Bingkisan minggu ini

leh2-nya, menahan diri dari melakukan-nya, walaupun ada yang memaksa diri kita hendak berbuat kejahatan itu. Ingat-lah bahawa, dengan sa-titek noda kejahatan yang kita lakukan itu akan menghilangkan sa-lautan jasa kebaktian yang pernah kita buat sa-lama ini.

Akhir-nya dapat-lah kita kesimpulan, bahawa baik itu di-balas dengan kebaikan, begitu jua hal-nya dengan kejahatan, akan di-balas jua dengan kebaikan. Dan juga biar-lah berbuat baik itu berpada-pada, dan elakkan-lah diri kita dari sa-barang kejahatan.

Memelok Ugama Islam

DALAM minggu lepas tiga orang lagi telah memelok ugama Islam dalam dua majlis Pengislaman yang berasingan.

Bertempat di-rumah Pg Ahmad bin Pg Sulaiman, Block B, No. 16 Barrack Pulis Muara telah berlangsung majlis pengislaman ka-atas sa-orang gadis Murut, Damit bte Sagar, 21 tahun, dari Daerah Temburong pada 21hb Januari lepas.

Damit memilih nama Islam-nya sa-bagai Dayang Damit binte Abdullah. Ia melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Matserudin.

Sa-orang pemuda Iban dari Kanowit, Sarawak, Bangga anak Antas, 20 tahun, kini di-kenali sa-bagai Abdul Rahman bin Abdul-lah sa-telah beliau melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Awang Abdul Hamid bin Haji Tamat, sa-orang pegawai di-Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Manakala Gadong Sia, 19 tahun, sa-orang gadis Murut berasal dari Long Lumut, Lawas, Sarawak telah melangsungkan pengislaman-nya di-hadapan Haji Rosli bin Haji Metussin. Dan kini ia di-kenali

sa-bagai Dayang Norhayah bte Abdullah.

Kedua-dua majlis pengislaman itu berlangsung di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri pada 23hb dan 24hb Januari.

DAKWAH DAN KONSEP-NYA

BERDAKWAH "atau memanggil kepada ugama Allah" atau lebih tepat "menyuruh orang percaya dan mengamalkan ugama Islam", ada-lah satu chiri yang termesti dalam Islam. Sa-tiap orang mengaku diri-nya Islam mesti dan wajib berdakwah hatta — dalam erti-kata yang sempit — kepada diri-nya sendiri.

Dakwah dalam makna ini ia-lah menyampaikan seruan Islam, mengajak dan memanggil manusia supaya menerima dan memperchayai serta mengamalkan apa2 jua surohan dan menjauhi larangan Islam dengan chara2 yang baik dan sempurna tanpa di-susuli dengan apa2 jua tindakan yang agresif. Dasar ini disebutkan dalam Surah An-Nahl, ayat 125 dengan maksud-nya:

"Dan seru-lah kepada jalan Tuhan mu dengan (chara) bijaksana dan nasehat yang baik. Dan berbin-chang-lah dengan mereka dengan perkara2 yang baik. Sa-sungguh-nya Tuhan mu lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalan-Nya dan Dia lebih mengetahui siapa yang di-beri pertunjok."

Dalam makna "nasehat yang baik" dan "perbin-changan yang baik" terkumpul-lah makna itu prinsip Islam yang berbunyi: "Menyuruh berbuat baik dan Melarang Membuat Keji" seperti yang di-sebutkan dalam Surah At-Taubah ayat 71, yang maksud-nya:

"Orang2 Mukmin lelaki dan perempuan sa-bahagian daripada mereka menjadi penguasa kepada sa-bahagian yang lain. Mereka menyuruh berbuat baik dan melarang berbuat keji. Mereka mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat dan ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu-lah yang akan di-korbankan rahmat oleh Allah. Sa-sungguh-nya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana".

Tidak payah-lah di-sebutkan detail mengenai perkara ini di-sini. Kita bukan membincangkan masa-alah2 itu dalam kertas kerja ini. Tetapi pada keseluruhan-nya apabila Ugama Islam menyuruh berbuat sa-suatu, maka segala galakan dan kemudahan dari segi fizikal dan mental diperuntukkan dalam undang2 Islam. Dan jika Islam melarang sa-suatu, maka segala jalan atau kemungkinan untuk menimbulkan kejahatan itu di-basmi habis2an.

Dengan kuat-kuasa Perlembagaan 1959, maka Negeri Brunei sa-benar-nya menurut undang2 ada-lah

Sebaran 'Am Alat Dakwah

oleh: Awang Hj Yahya Hj Ibrahim

(Sambongan)

Negeri Islam. Hakikat ini tidak menafikan bahawa dari awal mula-nya lagi Brunei ada-lah Negeri Islam. Perlembagaan 1959 ada-lah pengishtihaan sa-chara bertulis mengikut alir-iran undang2 moden di-kalangan antarabangsa.

Hasil daripada itu Kerajaan Brunei — dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia — ada-lah di-perintahkan supaya menjalankan kehendak2 Perlembagaan itu dari segi fizikal kepegawaian dan sifat lahiriah dan rohaniah Kerajaan itu. Duli Yang Maha Mulia telah menitahkan supaya Islam di-jadikan chara hidup yang lengkap di-Brunei.

Sa-rentak dengan itu akibat2 dari keperluan titah itu mesti-lah di-adakan bagi mana2 bidang yang belum ada dan bagi yang sudah ada mesti-lah keperluan2 itu di-selaraskan dengan kehendak Perlembagaan dan titah itu.

Dalam erti kata yang lebih tepat bahawa Perlembagaan dan titah Raja itu ia-lah tujuan hidup2 kita sa-bagai orang Brunei menyeleweng daripada kehendak2 ini erti menyeleweng dari tujuan hidup dan penyelewengan ini ada-lah satu tindakan merbahaya yang patut di-hapuskan.

Sa-lain dari media2 rasmi ia-itu jentera2 Kerajaan untuk menjalankan peren-

tah dan kehendak2 tujuan hidup kita di-Brunei, maka ada media2 yang tidak rasmi atau sa-chara tidak langsung ada di-Brunei samada di-pegang oleh Kerajaan atau oleh Badan2 dan pertubuhan awam di-negeri ini atau di-negeri2 lain yang di-datangkan ka-negeri ini.

Pada pendapat saya, dengan memakai, "bahawa alat sebaran 'am ada-lah alat untuk perubahan sosial", yang mana bagi Brunei ada-lah perubahan sosial yang di-kehendaki oleh ajaran Islam yang menyuruh berbuat baik dan melarang berbuat keji, maka tiap2 satu alat sebaran 'am baik yang di-punyai oleh Kerajaan atau pun bukan hendak-lah menjawab tiga soalan yang besar:—

- Apa-kah tujuan-nya?
- Apa-kah hubungan tujuan suatu penubuhan alat sebaran 'am itu sa-laras dengan polisi negara, dari perkara yang besar ka-pada perkara yang paling kecil?
- Apa-kah kesan-nya kepada orang ramai dari segi keperchayaan beragama, pendidekan, chara2 berfikir, sosio-ekonomi dan politik orang Brunei. Dalam hal ini soalan lain yang mendasar ia-lah ada-kah alat sebaran 'am dengan isi-nya itu boleh membantu

Seminar Dakwah Islamiah Pegawai2 Rendah Kerajaan

orang ramai dalam usaha meninggikan nilai kebaikan yang di-perlukan atau pun tidak?

Jawapan2 yang negatif akan mendatangkan kesan yang mendukachitakan. Dan ini bererti tujuan hidup sa-bagaimana yang di-Perlembagakan dan menjadi titah raja itu tidak akan terchapai.

Pembetulan

DALAM keluaran pendahuluan pada 24hb Januari lalu beberapa kesilapan perkataan telah berlaku. Oleh yang demikian dalam para tiga baris lapan dan sembilan perkataan 'ajab' di-ganti 'akan', 'kuput' menjadi 'luput' dan perkataan 'di-sini' menjadi 'di-dunia ini'.

Para empat, perkataan 'Prarde' di-ganti 'Pravda'. Para lima perkataan 'ada' baris 12, menjadi 'ala'. Para enam 'nya' dalam perkataan 'nampak-nya' di-tiadakan. Dan para lapan baris akhir perkataan 'screening' menjadi 'screening'. — Pengarang.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 7hb Februari, 1979 hingga ka-hari Selasa 13hb Februari, 1979 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
7hb Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36	
8hb Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36	
9hb Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36	
10hb Feb.	12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21	6.36	
11hb Feb.	12.40	4.01	6.38	7.49	5.06	5.20	6.35	
12hb Feb.	12.40	4.01	6.38	7.49	5.06	5.20	6.35	
13hb Feb.	12.40	4.01	6.38	7.49	5.06	5.20	6.35	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Pembetulan

TERDAPAT kesilapan mengenai keterangan pangkat bagi Mejar Ibrahim bin Haji Muhammad, Pegawai Memerintah Penerbangan Jet Ranger, Chawangan Udara AMDB. Minggu lalu beliau disebut sa-bagai Kapitan.

Manakala perajurit Rami Maleek bin A. Wahab yang menjalani kursus di-UK sa-benar-nya ada-lah berpangkat Leftenan — Penrang.



PASOKAN Battalion Pertama (gambar atas) yang menjadi johan menembak dalam bahagian unit2 terbesar bergambar ramai bersama hadiah kemenangan mereka. Berdiri di-tengah ia-lah YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Kol Dato Seri Pahlawan Mohamad bin Haji Daud. Manakala gambar sebelah Brigadier Dato Seri Pahlawan Norman Roberts ketika menyampaikan piala kejohanan menembak tahunan Askar Melayu Diraja Brunei kepada pasukan Battalion Pertama.



PERADUAN menembak tahunan antara unit2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang telah di-langsungkan sa-lama empat hari bermula 30hb Januari dan berakhir 2hb Februari lepas telah di-menangi oleh pasukan Battalion Pertama dalam bahagian menembak unit2 terbesar dan pasukan Pusat Latihan memenangi unit2 kecil.

Sa-ramai kira2 150 orang anggota dari kedua2 battalion AMDB termasuk sa-pasokan dari Pasokan ke-10 Gurkha Rifle yang berpangkalan di-Seria telah menyertai peraduan tersebut.

Peraduan menembak itu telah di-adakan di-Padang Tembak Perkhemahan Berakas dan ia-nya merupakan persediaan bagi pasukan AMDB untuk memilih penembak2 terbaik bagi menyertai peraduan menembak antara tentera2 British yang berpangkalan di-Hong Kong dalam bulan Mach dan peraduan menembak Bisley di-United Kingdom dalam bulan Julai depan.

Dalam peraduan itu juga Kopral Sichat dari Battalion Pertama telah di-pilih sa-bagai penembak terbaik perseorangan tahun 1979.

Penyampaian hadiah2 kepada pasukan2 yang berjaya dan anggota yang

mengambil bahagian telah di-lakukan oleh Pmerintah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei Brigadier Dato Seri Pahlawan Norman Roberts.

Turut hadir di-upacara penyampaian hadiah itu termasuklah YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Kol Dato Seri Pahlawan Mohamad bin Haji Daud, Pegawai Memerintah Battalion Pertama dan lain2 pegawai kanan AMDB.

LAGI penyampaian hadiah kepada wakil salah sa-buah pasukan yang menang di-peraduan tersebut (gambar atas) dan gambar bawah memperlihatkan barisan anggota2 pasukan AMDB yang mengambil bahagian dalam peraduan itu sedang bersedia menghalakan rifel masing2 ke sasaran yang di-kehendaki. Acara ini ada-lah peraduan menembak terbaik antara 30 orang anggota yang telah di-langsungkan pada sebelah pagi sa-belum peraduan menembak itu di-akhiri.



Rentas Desa AMDB

11 PASOKAN termasuk dua pasukan jemputan yang terdiri dari Pasokan Brunei Kadet dan Pasokan Askar Muda Melayu Diraja Brunei pada hari ini telah menyertai perlumbaan rentas desa antara unit2 Pasokan AMDB.

Perlumbaan tersebut ada-lah sa-bahagian dari kegiatan pasukan AMDB dan untuk memilih peser-

ta yang terbaik perseorangan bagi persediaan untuk menyertai rentas desa kebangsaan yang akan di-adakan tidak lama lagi.

Kira2 110 orang menyertai perlumbaan tersebut yang bermula di-simpang Pantai Tungku menerusi jalan pantai dan berakhir di-hujung jalan pantai Jerudong.

BERBUAL mesra antara pegawai2 dan anggota tentera ini jelas memperlihatkan bahawa sekali pun peraduan menembak yang sedang berjalan ketika itu memerlukan ketahanan disiplin tentera, namun senyum dan gelak ketawa perlu juga di-bayangkan. Gambar atas kelihatan Kapitan Mahmud bin Haji Yaakub (kanan); Adjutan Pusat Latihan AMDB bersama anggota penembak-nya sedang berbual2 mesra dengan pegawai yang bertugas ketika mereka melaporkan diri untuk mengambil peluru sa-belum acara menembak di-mulakan untuk mereka.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 7HB. FEB.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 STAR TREK — "I Mudd"
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 STAR TREK — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 THE PAPER CHASE
- 7.48 AZAN ISHA
- 8.00 DR IN CHARGE — "The Loftus Papers"
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 MAJALLAH BRUNEI
- 9.15 DAKWAH ISLAMIAH
- 9.45 SHOW OF THE WEEK — "Cilla Black"
- 10.30 F.A. CUP SOCCER
- 11.20 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 8HB. FEB.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 VALLEY OF THE DINOSAURS — "Torch"
- 6.30 DR WHO — "Revenge of Cybermen"
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 DR WHO — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 THE BIG VALLEY — "The Odyssey of Jubal Tanner"
- Sa-orang lelaki tua membeli tanah dari keluarga Barkley tetapi tanah yang sama dikehendaki oleh kerajaan sebagai tempat untuk satu ampunan ayer yang akan mendatangkan faedah kepada seluruh lembah ini.
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 THE BIG VALLEY — sambongan
- 8.00 HIDAYAT
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 JEIAK LANGKAH JUNJONGAN
- 8.55 DOKUMETARI MELAYU :

- Audubon Wildlife Theatre "Wildfowl Sanctuaries"
- 9.45 TAYANGAN FILEM MELAYU
- 11.45 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 9HB. FEB.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 THE FLOWER STORIES — "The Black Queen"
- 5.45 CLOPPA CASTLE — "Bees in their Bonnets"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 C.B. BEARS — "Water, Water.....Nowhere"
- 6.30 CHILDREN OF THE STONES : Episod ketiga "Serpent in the Circle"
- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 CHILDREN OF THE STONES — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 CHALLENGE OF THE SEXES
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 CHALLENGE OF THE SEXES — sambongan
- 8.00 THE DICK EMERY SHOW
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 JEIAK LANGKAH JUNJONGAN
- 9.15 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
- 10.00 QUINCY — "Passing"
- Zohra Lampert bintang undangan kali ini yang membantu Quincy dalam menyelesaikan kehilangan selama dua tahun sa-orang ketua buroh.
- 10.50 PERLAWANAN GUSTI.
- 11.50 SIARAN TAMAT.

SABTU - 10HB. FEB.

PETANG

- PAGI
- 8.15 PERARAKAN MAULUD NABI
- 11.00 KHATAM AL-KORAN
- 12.00 SIARAN TAMAT.
- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 THE LOST ISLAND — "The Birdman of Tambu"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET



PAMELA merasa begitu seronok sekali mendengar berita bahawa ia sedang mengandung dan ia berharap semoga ini akan dapat mengurangkan permusuhan yang berjalan sekian lama di antara Jock Ewing dan bapa-nya, Digger Barnes, yang di-lakukan oleh bintang undangan khas David Wayne (kiri). Tetapi berita ini menimbulkan berbagai reaksi di-luar dugaan. Pastikan-lah awda menyaksikan Dallas dalam episod kelima — episod terakhir dalam siri pertama ini — pada hari Sabtu jam 7.10 malam.

- 6.37 AZAN MAGHRIB
- 6.41 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 DALLAS — Episod 5 "Barbecue"
- 7.48 AZAN ISHA
- 7.52 DALLAS — sambongan
- 8.00 PERMAINAN GAMBUS
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 PERARAKAN MAULUD NABI
- 9.45 STARKY AND HUTCH — "The Crying Child"
- 10.35 F.A. CUP SOCCER
- 11.25 TAYANGAN MALAM SABTU "Tommy the Torzador"
- 12.55 SIARAN TAMAT.

AHAD - 11HB. FEB.

PETANG

